

**PAKEJ RANGSANGAN INDUSTRI KREATIF MALAYSIA (PRISMA) FINAS  
SKIM PINDAAN MILESTONE DANA KANDUNGAN DIGITAL (DKD)**

**LATAR BELAKANG**

Pakej Rangsangan Industri Kreatif Malaysia (PRISMA) 2021 FINAS dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) diwujudkan selaras dengan inisiatif penting jangka pendek KKMM bagi membantu kelangsungan dan kelestarian penggiat dan pemain industri di Malaysia. Inisiatif ini sejajar dengan pembudayaan normal baharu berikutan pandemik COVID-19 dan pematuhan kepada Perintah Kawalan Pergerakan yang berkuat kuasa. FINAS telah mewujudkan enam inisiatif dan tiga inisiatif turut dibuka kepada orang awam.

<b>BIL</b>	<b>INISIATIF</b>	<b>DIBUKA KEPADA</b>
1	Dana Mikro Daya Kreatif	Penggiat Industri & Orang Awam
2	Dana Pembangunan Idea dan Skrip	Penggiat Industri & Orang Awam
3	Skim Pindaan Milestone Dana Kandungan Digital	Penggiat Industri
4	Sesi Penilaian DKD di Borneo semasa PKP	Penggiat Industri
5	Program PELAKSANA Fasa 2	Penggiat Industri
6	Program <i>Creativity Never Stops</i>	Penggiat Industri & Orang Awam

**OBJEKTIF**

- a) Membantu penerima dana yang terjejas akibat pelaksanaan PKP 2.0
- b) Membantu aliran tunai syarikat produksi/individu penerima DKD
- c) Memudahcara pembayaran kepada penerima DKD

**INFO PERMOHONAN**

1. Tempoh permohonan: **5 Februari 2021 sehingga tempoh PKP 2.0 tamat**  
Sila layari [www.finas.gov.my/prisma](http://www.finas.gov.my/prisma) untuk memuat turun borang permohonan.
2. Dokumen yang **TIDAK LENGKAP** tidak akan diproses untuk pertimbangan Jawatankuasa Milestone
3. Sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi Unit Pelaksanaan dan Pemantauan Projek:
  - a) No. Telefon: 03-7968 2144/2061/2148
  - b) Emel: [milestonedkd@finas.my](mailto:milestonedkd@finas.my)
4. Permohonan Skim Pindaan Milestone DKD
  - (a) Permohonan boleh dihantar **pada bila-bila masa semasa tempoh pelaksanaan PKP2.0**
  - (b) Permohonan akan diproses secara berkala dan segera berdasarkan tarikh penerimaan
5. Permohonan boleh dihantar melalui emel [milestonedkd@finas.my](mailto:milestonedkd@finas.my)

## SKIM PINDAAN MILESTONE DKD

KATEGORI	PENERANGAN	KEPERLUAN	HANTAR KEPADA
Skim Pindaan Milestone Dana Kandungan Digital (DKD)	<p>a) Memudahkan pembayaran kepada syarikat/individu yang terjejas akibat PKP 2.0</p> <p>b) Proses permohonan disingkatkan dari <b>30 hari kepada 14 hari bekerja</b></p> <p>c) Permohonan terbuka kepada penerima DKD tahun <b>2019 dan 2020 sahaja</b></p>	<p>a) Menghantar borang yang lengkap</p> <p>b) Menyerahkan bahan <i>work in progress</i></p>	<p><a href="mailto:milestonedkd@finas.my">milestonedkd@finas.my</a></p>

## KAEDAH PEMBAYARAN

PERKARA	KAEDAH PEMBAYARAN
Skim Pindaan Milestone DKD	a) Pembayaran berdasarkan peratusan <i>work in progress</i> dan kelulusan Jawatankuasa Milestone

## SYARAT-SYARAT DAN TERMA SKIM PINDAAN MILESTONE DANA KANDUNGAN DIGITAL (DKD)

BIL	SYARAT PERMOHONAN
1.	Penerima Dana Kandungan Digital (DKD) pada tahun 2019 dan 2020 sahaja
2.	Perlu menghantar borang permohonan lengkap bersama bahan <i>work in progress</i> kepada urusetia
3.	Mencapai <b>sekurang-kurangnya 50%</b> dari butiran penghantaran <b>output</b> yang telah ditetapkan di dalam perjanjian.

## CARTA ALIR SKIM PINDAAN MILESTONE DKD

